



BULETIN PMKU

POLITEKNIK METR0 KUANTAN



Menarik...

- 03 Kursus Interpretasi Alam Semulajadi: Train to Dabong

- 03 Misi Sukarelawan Siswa di Vietnam

- 07 Teroka Sektor Pelancongan di Benua Eropah

- 11 Audit Pematuhan EOMS 21001:2018
PMKu Berjaya Tanpa NCR dan OFI

BICARA PENA PENGARAH

SIDANG REDAKSI

Penaung

Rosli bin Zainuddin, AMP

Pengarah PMKu

Penasihat¹

Ts Zairul Azrul bin Zakaria

Ketua Jabatan Sokongan Akademik

PMKu

Penasihat²

Norsidah binti Othman

Ketua Unit Instruktional dan

Pembelajaran Digital

Editor

Effa Izzati binti Mahmun

Noor Syaida binti Abdul Rahman

Laporan & Gambar

Wan Mohd Fahmi bin Wan Othman

Noor Syaida binti Abdul Rahman

Haslina binti Ahmad Muzakir

Nurullia Natasha binti Jamal

Muhamad Asyraf bin Rosli

Nor Akashah binti Kassim

Anis Shabirah binti Md Isa

Effa Izzati binti Mahmun

Farizah binti Mohamad

Nurhidayah binti Hilimi

Surayahanim binti Ali

Juliawati binti Yunus

Hafizah binti Ismail



Hak Cipta Terpelihara © 2022 – Buletin PMKu.
Sebarang cadangan, rencana, berita atau ulasan
boleh diajukan kepada:

Unit Penerbitan Buletin PMKu
Politeknik METR0 Kuantan,
No. A-5, Jalan Tun Ismail 2,
Sri Dagangan II
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur.
Tel: +6095659000 Faks: +6095173259



Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersua kembali dalam Buletin Politeknik METR0 Kuantan Edisi 2/2022. Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada sidang redaksi.

Menghadapi tahun 2022, pelbagai usaha telah dilaksanakan demi kecemerlangan dan keseimbangan modal insan. Justeru, pelbagai agenda telah dirancang dengan teliti dan telah dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan jayanya oleh semua warga PMKu dalam memperkasakan PMKu.

Sepanjang tahun 2022 pelbagai aktiviti telah dijalankan. Ringkasan aktiviti-aktiviti boleh dilihat di setiap helaian Buletin yang dikeluarkan oleh PMKu. Terima kasih kepada urusetia dan pelaksana program-program sama ada bersifat ilmiah, kesukarelawanan dan khidmat komuniti, sukan dan sebagainya. Program-program tersebut berupaya menyumbang kepada peningkatan inovasi dan kreativiti setiap warga PMKu. Oleh sebab itu, program-program seumpama ini haruslah diteruskan dan dimantapkan lagi bagi meneruskan penerapan nilai-nilai murni yang berterusan dalam kalangan warga PMKu.

Sekalung tahniah kepada warga PMKu yang telah berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Sama-sama kita terus berganding bahu bagi memastikan PMKu terus gemilang .

Salam Hormat dan Selamat Membaca.

Encik Rosli bin Zainuddin, AMP
Pengarah Politeknik METR0 Kuantan (PMKu)

31 Julai –
02 Ogos

KURSUS INTERPRETASI ALAM SEMULAJADI: TRAIN TO DABONG

Unit DUP dengan kerjasama ULPL PMKu telah mengadakan satu Kursus Interpretasi Alam Semulajadi di Dabong, Kelantan. Menerusi *Train to Dabong*, 6 peserta kursus yang terdiri dalam kalangan kakitangan PMKu dapat menambah ilmu pengetahuan serta dapat mengenali tarikan semulajadi yang terdapat di Malaysia.



05 Ogos

SESI PERBINCANGAN DAN LIBAT URUS PENGOPERASIAN PENGINAPAN PELAJAR PMKu

Satu perbincangan telah diadakan di antara pengurusan PMKu bersama pemilik premis sewaan penginapan pelajar bagi membincangkan isu-isu aduan pelajar yang di bawa melalui suara MPP PMKu. Semoga perbincangan ini memberi manfaat dan dapat membantu pelajar bagi mendapatkan perkhidmatan penginapan yang selesa dan selamat sepanjang tempoh pengajian.



06 Ogos

FAMILY DAY PMKu 2022

Kelab Kebajikan Kakitangan PMKu (K3P) telah menganjurkan program Hari Keluarga PMKu di Pantai Balok, Kuantan. Program ini telah mendapat kerjasama dan sambutan daripada kakitangan dan ahli keluarga masing-masing. Objektif program ini tercapai dan kakitangan bersama ahli keluarga dapat beramah mesra dan berkenalan sekaligus mengeratkan silaturahim antara satu dengan yang lain. Tahniah diucapkan kepada K3P dan semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung. Semoga program seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan.



06 Ogos

MISI SUKARELAWAN SISWA DI VIETNAM

Tahniah diucapkan kepada pelajar DHF PMKu, merangkap MPP PMKu iaitu Saudari Sarinah di atas penerimaan *Outstanding Volunteer Awards Green Summer Volunteer Campaign 2022* bagi program Misi Sukarelawan Siswa di Vietnam. Sekalung penghargaan daripada PMKu kerana beliau telah mengharumkan nama JPPKK di persada antarabangsa. Semoga terus cemerlang dan menjadi sumber inspirasi kepada para pelajar PMKu yang lain.



09 Ogos

KURSUS ASAS PERMAINAN BOLING PMKu 2022

Terima kasih diucapkan kepada Encik Hamzah bin Amin, bekas jurulatih boling SUKMA Pahang merangkap AJK Persatuan Boling Negeri Pahang yang telah berkongsi ilmu dan menjadi jurulatih untuk kursus yang dijalankan selama 1 hari ini. Kursus Asas Permainan Boling PMKu 2022 telah berlangsung di Pusat Boling Playground 6 Semambu, Kuantan. Seramai 28 kakitangan PMKu telah hadir dan memperoleh ilmu tentang peraturan dan Teknik asas membaling bola boling agar permainan ini lebih mudah dikuasai dan dimainkan.



10 Ogos

MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI PMKu BERSAMA RAKAN KOLABORASI



PMKu berjaya menandatangani *Certificate Of Collaboration (COC)* bersama 7 rakan industri baru yang bergiat aktif di dalam sektor hospitaliti di negeri Pahang dan juga dari luar negeri Pahang. PMKu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan kolaborasi strategik yang hadir untuk menjayakan majlis. Terima kasih;

- 1) Kesumas Sdn Bhd (Mini Malaysia & Asean Cultural Park)
- 2) Dynasun Sdn Bhd (Johnny's Restaurant & Black Canyon Coffee)
- 3) Texas Chicken Malaysia
- 4) Hyatt Regency Kuantan Resort
- 5) ZA Nusantara Travel & Tours Sdn Bhd
- 6) Rasa Sayang Kuantan Trading : Rasa Sayang Café
- 7) Majlis Belia Negeri Pahang

Sehingga kini PMKu telah menandatangani kerjasama strategik bersama 18 industri di dalam sektor perkhidmatan hospitaliti. Diharapkan kerjasama ini dapat memberi manfaat bersama antara PMKu dan industri untuk melahirkan pelajar yang lebih berketrampilan, berkemahiran dan bepengetahuan tinggi.



11 Ogos

LET'S GROOM AND BE CONFIDENT

Unit Pengurusan Pelancongan (DUP) dengan kerjasama ULPL PMKu telah mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan (KUDAP) yang memberi fokus kepada penampilan dan imej kakitangan PMKu. Penyampaian ilmu yang padat bukan sahaja dalam bentuk teori tetapi juga dari sudut praktikal telah disampaikan oleh Puan Suriati Tajruddin, iaitu *certified professional image consultant* yang dijemput dari Politeknik Muadzam Shah. Semoga kursus ini dapat membina keterampilan yang lebih unggul di kalangan peserta yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran PMKu.



15 Ogos

HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I:2022/2023

Selamat Datang diucapkan kepada para pelajar baharu sesi I:2022/2023. Proses pendaftaran telah berjalan dengan lancar hasil kerjasama semua Jawatankuasa Hari Pendaftaran dan pihak MPP PMKu.



16 Ogos

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021

Tahniah diucapkan kepada penerima APC 2021 PMKu iaitu Encik Ahmad Tajudin Bin Mustaffa; Encik Mohd Rozi bin Nawang; Puan Nurhidayah Binti Rafie dan Puan Rofidza Binti Ramli kerana kecemerlangan untuk tahun 2021. Semoga anugerah ini dapat meningkatkan semangat dan iltizam kepada para penerima sekaligus memberikan khidmat bakti cemerlang secara berterusan. Majlis ini melibatkan semua penerima APC Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Negeri Pahang di Ancasa Royale dan disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang.



17 Ogos**KURSUS HALAL EKSEKUTIF**

Kursus Halal Eksekutif anjuran Pusat Latihan Halal PMKu telah selesai dengan jayanya pada 17 Ogos 2022. Kursus ini telah berlangsung 2 siri dengan pelaksanaan siri 1/2022 telah berlangsung pada 18 sehingga 27 Julai melibatkan 6 orang peserta; manakala siri 2/2022 telah berlangsung pada 8 sehingga 17 Ogos 2022 melibatkan 10 orang peserta. Objektif kursus ini dijalankan bagi memberi nilai tambah kepada pelajar politeknik sekaligus kebolehpasaran graduan di dalam industri halal. Semoga semua peserta beroleh manfaat dari kursus yang telah dianjurkan.

**17 Ogos****KURSUS ASAS PERAKAUNAN**

Kursus Asas Perakaunan telah diadakan oleh Unit Pengajian Am dengan kerjasama ULPL PMKu. Kursus yang disampaikan oleh pensyarah PMKu, Puan Norazura binti Masdor kepada kakitangan KAFA Alif Sungai Isap Perdana. Semoga input yang diperoleh menerusi kursus ini dapat memperkemaskan dan menambahbaik sistem pengurusan kewangan dan akaun KAFA Alif.

**22 Ogos****MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PMKu**

Timbalan Pengarah PMKu, Encik Ahmad Tajuddin bin Mustaffa dengan diiringi oleh Ketua Jabatan Akademik dan Sokongan Akademik telah melancarkan Sambutan Bulan Kemerdekaan PMKu yang berlangsung di Aras 6 (Rooftop) PMKu. Majlis ini merupakan anjuran MPP PMKu di bawah bimbingan Penasihat MPP, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli.

**28 Ogos****PROGRAM SANTAI PELANCONGAN**

Program Santai Pelancongan bersama Rumah Anak Yatim Baitul Husna Bukit Pelindung dan PMKu telah berlangsung di Timur Bay Resident, Kuantan. Slot dimulai dengan aktiviti mempromosikan program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal. Seterusnya dipenuhi oleh aktiviti dan pertandingan demonstrasi perkhemahan. Kesemua 30 orang anak yatim teruja menyelesaikan aktiviti dengan kumpulan masing-masing dalam program sukarelawan pelancongan ini. Terima kasih kepada Pn. Deyana selaku pengajur program, tim sukarelawan program, Deyana dan tidak lupa kepada penjaga Baitul Husna, Pn. Zuraida binti Ismail di atas kelancaran program ini.

**29 – 31 Ogos****PAMERAN INFORMASI SEJARAH MALAYSIA**

MPP PMKu terus mekar di bawah kendalian Penasihatnya, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli. Sempena bulan Kemerdekaan, mereka telah berusaha untuk mengadakan Pameran Informasi Sejarah Malaysia yang diadakan di Aras 6 (Rooftop). Program yang dijalankan ini bertujuan untuk berkongsi ilmu tentang sejarah Malaysia dan menyuntik rasa kasih dan sayang dalam diri pelajar terhadap negara tercinta, Malaysia.

**29 – 31 Ogos****PROGRAM PRE DEPARTURE TRAINING**

Seorang pelajar DUP PMKu, Saudari Erma binti Nordin akan berada di Universiti Malaysia Sabah sebelum meneruskan Misi Sukarelawan Siswa 2022 yang berlangsung pada 1 – 13 September 2022 di Kudat, Tuaran dan Beluran.



01 September

AMALI PEMANDU PELANCONG



Para pelajar DUP perlu membelajari Kursus *Tourist Guiding Technique* semasa mereka semester 3. Pensyarah DUP PMKu, Puan Anis Shabirah binti Md Isa dan Cik Nor Akashah binti Kassim berkongsi ilmu sambil melaksanakan latihan amali pemandu pelancong kepada para pelajar mereka di destinasi tarikan sekitar Bandaraya Kuantan. Para pelajar bukan sahaja mempelajari ilmu dan kemahiran komentar pelancongan di dalam bilik kuliah tetapi mereka juga berpeluang melihat dan mempraktikkan sendiri kemahiran mereka di destinasi tarikan yang menarik sekitar PMKu.



05 – 09 September

NAZIRAN KHAS PEMATUHAN PERAKAUNAN AKRUAN DARI KPT

Naziran Khas Pematuhan Perakaunan Akruan dari KPT telah diadakan di PMKu bermula 5 sehingga 9 September 2022. Tujuan proses naziran ini adalah untuk memastikan Pusat Tanggungjawab mematuhi semua peraturan kewangan dan perakaunan semasa yang berkuatkuasa.



08 September

VIRTUAL SEMINAR ON TOURIST GUIDING TECHNIQUE



Program seminar secara atas talian telah dijalankan oleh Unit DUP sebagai salah satu aktiviti Pensyarah Pelawat Industri. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Sheikh Abdullah bin Md Taufik, Pemandu Pelancong di atas sesi perkongsian ilmu dan kemahiran yang berlangsung selama 2 jam. Program ini diadakan untuk memenuhi keperluan kursus DTM30114 Tourist Guiding Technique bagi pelajar DUP. Semoga menerusi sesi ini, para pelajar beroleh manfaat dan dapat menambah ilmu berkaitan teknik komentar pemandu pelancong profesional.



09 September

KEMPEN PENANAMAN 5 JUTA POKOK




Sempena menyahut seruan Kempen Penghijauan Malaysia Penanaman 100 juta pokok 2021-2025, seramai 30 orang sukarelawan pelajar PMKu bersama pegawai Alumni PMKu Puan Nurullia Natasha binti Jamal telah menyertai Kempen Penanaman 5 juta pokok yang bertempat di Tasik Chini. Program ini telah dianjurkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dengan kerjasama Majlis Belia Negeri Pahang. Alumni PMKu, Saudara Mohd Abu Na'azeim bin Abu Talib, yang juga merupakan Exco Majlis Belia Negeri Pahang turut serta memberikan khidmat bakti di dalam program ini. Program ini bukan sahaja dapat menyelamatkan bumi sekali gus dapat menyemai semangat cintakan alam sekitar dan cintakan kehijauan bumi di dalam kalangan pelajar politeknik. Ucapan Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan aktiviti ini.

09 September

PERTANDINGAN NYANYIAN

Pertandingan nyanyian yang disertai oleh para pelajar PMKu yang telah berlangsung pada 9 September 2022. Program ini telah dianjurkan oleh MPP PMKu sempena menyambut Minggu Kemerdekaan dan Hari Malaysia disamping mencungkil bakat terpendam pelajar - pelajar dari PMKu.



10 September

AKTIVITI MELUKIS MURAL DI ARAS 6 (ROOFTOP) PMKu



MPP PMKu bersama beberapa calon potensi MPP PMKu akan datang telah mempamerkan kreativiti dalam penghasilan mural di dinding bangunan PMKu Aras 6. Tahniah Penasihat MPP, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli kerana mendidik para pemimpin pelajar agar mempunyai kemahiran yang pelbagai dan versatil.

11 – 15
September

POLYSKILL: BIDANG TOURIST GUIDING TECHNIQUE

PMKu telah menghantar 2 wakil pelajar DUP iaitu saudara Au Liang Wei (DUP5) dan Batrisyia Asna binti Mohd Asri (DUP2) untuk menonjolkan bakat mereka dalam Polyskills yang berlangsung di Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Johor Bahru dalam bidang Tourist Guiding Technique. Kedua mereka telah diiringi oleh pensyarah DUP yang bertindak sebagai pengiring dan jurulatih iaitu Puan Nurhidayah binti Hilimi dan Puan Anis Shabirah binti Md Isa. Turut serta adalah Penyelaras Pertandingan Kemahiran iaitu Puan Hafizah binti Ismail. Penyertaan mereka merupakan satu pendedahan dan pengalaman baharu dalam mengasah bakat sebagai pemandu pelancong.



15 - 21
September

TEROKA SEKTOR PELANCONGAN DI BENUA EROPAH



Pensyarah DUP, Puan Farizah binti Mohamad berpeluang menerokai sektor pelancongan di benua Eropah iaitu negara Croatia dan Bosnia & Herzegovina serta mempromosikan program DUP PMKu. Peluang ini mampu menyediakan pensyarah TVET dengan pengetahuan dan pengalaman antarabangsa di dalam mendidik pelajar khasnya bagi kursus *Tourism Expedition, Tourism Transportation, Tourism Geography*, dan juga *Travel and Tour Operation*.

16 September

BENDERA PMKu MEGAH BERKIBAR DI PUNCAK MENARA KUANTAN 188

Sempena menyambut sambutan Hari Malaysia, pelajar PMKu, Muhamad Ali Imran bin Muhamad Nor dari kelas DHF 3B bersemangat membawa dan mengibarkan jalur gemilang di puncak Menara Kuantan 188 yang merupakan menara kedua tertinggi di Malaysia. Walaupun masih belajar di PMKu tetapi beliau juga aktif dalam menjadi salah seorang krew bertauliah yang terbabit dalam menjalankan aktiviti skywalk dan climbing yang menjadi salah satu tarikan pelancongan di menara Kuantan 188..syabas diucapkan kepada beliau di atas semangat patriotik yang ditunjukkan.



19 September

BENGKEL BIMBINGAN PENGAUDITAN BeSS (BERSIH, SIHAT, SELAMAT)



Kakitangan PMKu berkesempatan untuk mengikuti satu bengkel yang dianjurkan oleh ULPL PMKu dengan kerjasama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang yang bertempat di Bilik Kuliah 2 PMKu.



19 September

MAJLIS PENUTUPAN MINGGU KEMERDEKAAN DAN MAJLIS SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2022

Majlis Penutupan Minggu Kemerdekaan dijalankan bersama Sambutan Hari Malaysia 2022 hasil kerjasama di antara MPP PMKu, Unit HEP dan Unit Perpustakaan PMKu.



19 September

LAWATAN AKADEMIK PELAJAR DHF3A KE JAYA GADING FARMS SDN BHD



Satu lawatan akademik oleh pelajar DHF3A ke Jaya Gading Farms Sdn Bhd bagi memenuhi keperluan kurikulum DTF30143 Best Practices for Halal Food Production telah berlangsung. Lawatan Akademik ini dimulai dengan taklimat daripada wakil pihak pengurusan Jaya Gading Farms Sdn Bhd, En Muhamad Syaiful bin Hasny dan seterusnya lawatan ke pusat sembelihan yang merupakan pemegang sijil halal serta pengedar ayam di Pasaraya Jaya Gading serta beberapa pasaraya lain di sekitar Kuantan. Terima kasih kepada pihak Jaya Gading Farms Sdn Bhd kerana sudi menerima kunjungan para pelajar PMKu.

19 – 22 September

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF HORIZON BAHARU 2022 (KIKHB22)

Telah berlangsung dengan jayanya Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Horizon Baharu 2022 (KIKHB22) di Politeknik Port Dickson pada 19 - 22 September 2022. Pasukan PMKu tidak melepaskan peluang menyertai KIKHB22 yang berlangsung di Politeknik Port Dickson. Menyertai 38 penyertaan dari Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia yang lain, produk inovasi pengurusan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti iaitu SMART PMKU berjaya merangkul Silver Award. Terima kasih banyak di atas sokongan padu oleh pihak pengurusan dan semua warga PMKu terlibat secara langsung atau tidak langsung menjayakan usaha ini.



24 September

KURSUS PEMBUATAN DAN PENYEDIAAN MAKANAN BERKONSEPAN FOOD STALL

Kursus Pembuatan dan Penyediaan Makanan BerkONSEPAN Food Stall telah berlangsung bagi Kebolehpasaran Graduan anjuran Unit CISEC, PMKu. Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada pelajar DHFsemester 5 telah mengikuti kursus ini dengan jayanya. Semoga kursus ini dapat memberi nilai tambah kepada peserta dan seterusnya meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan PMKu pada masa hadapan.



27 September

SIMPOSIUM KEBANGSAAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN DAN HOSPITALITI (SKIPHO2022)



Tahniah kepada pelajar DUP PMKu yang berjaya merangkul kejayaan dalam SKIPHO2022 anjuran Bahagian Kurikulum JPPKK bersama Politeknik Sultan Idris Shah. Berikut merupakan pencapaian PMKu:

- i. Tempat pertama pembentangan video terbaik: Pelancongan Lestari Demi Masa Hadapan
- ii. Tempat ketiga Poster Terbaik: Love Our Heritage Site
- iii. Gold Award - 4 kumpulan
 - Pelancongan Lestari Demi Masa Hadapan
 - Love Our Heritage Site
 - King of Tourism
 - Help to save endangered wild animal
- iv. Silver Award - 1 kumpulan
 - TMY games

Projek pembentangan di bawah kursus Sustainable Tourism, Tourism Project and Visitor Interpretation Services di bawah seliaan seliaan Puan Farizah binti Mohamad, Puan Nurhidayah binti Hilimi dan Cik Nor Akashah binti Kassim.

02 Oktober

PERTANDINGAN EXPLORE RACE PROGRAM SEMARAK @ MUZIUM SUNGAI LEMBING



10 pelajar DUP PMKu Semester 1 (DUP1B) tidak melepaskan peluang memeriahkan Pertandingan Explore Race Program Semarak @ Muzium Sungai Lembing anjuran Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya (MOTAC), Jabatan Muzium Malaysia & Muzium Sungai Lembing. Kumpulan perempuan telah mendapat Naib Johan pada pertandingan tersebut. Terima kasih kepada Cik Surayahanim binti Ali selaku pensyarah pengiring.

03 Oktober

PROGRAM JELAJAH IP CARE DAN PROGRAM ADVOKASI

Tahniah diucapkan kepada pelajar DUP Semester 4 yang sedang mengikuti Kursus DTM40134 Event Operation & Management kerana telah memperoleh **experiential learning** dalam Program Jelajah IP Care dan Program Advokasi anjuran Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) peringkat Zon Timur 2022. Para pelajar telah diberi kepercayaan untuk menjadi urusetia dalam acara sebenar yang berskala besar (Zon Timur) dan memegang peranan penting bermula semasa persediaan sehingga selesai program. Terima kasih diucapkan kepada Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) di atas kepercayaan dan pengalaman yang diberikan. Program Jelajah IP Care dan Program Advokasi ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Tuan Abdul Haris bin Haji Lakar, dan turut dihadiri oleh, Pengarah Negeri Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Encik Kamarudin bin Mohd Daud; Pengarah PMKU, Encik Rosli bin Zainuddin; Penolong Ketua Pengarah Perancangan dan Pembangunan Perniagaan, Tuan Sh. Arifin bin Sh. Mohd Noor; pegawai-pegawai KPDNHEP; wakil-wakil institusi seperti UMP, UMK dan UMT, para usahawan, pelajar dan individu persendirian.



03 Oktober

PROGRAM KESEDARAN HALAL



Program Kesedaran Halal yang dikelolakan oleh para pelajar DHF Semester 3 (DHF3A) dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Air Putih (murid Tahun 4) sebagai memenuhi keperluan silibus Best Practice for Halal Food Production. Terima kasih kepada Guru Besar, En Rusli bin Ishak serta guru-guru SK Air Putih yang memberikan kerjasama dalam memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan lagi pada

masa akan datang dan pelajar-pelajar mendapat pengalaman dan pengetahuan yang bermanfaat daripada program ini.



06 Oktober

CAMP21: SYNERGING LITERACIES

Para pelajar yang mewakili PMKu telah menempah kejayaan dalam Program CAMP21: Synergising Literacies anjuran Bahagian Kurikulum JPPKK dengan kerjasama POLISAS. Pelajar PMKu, Muhammad Muzakkir bin Rashid telah mendapat tempat pertama dan Green Award dengan tajuk projek *Disable Friendly App*. Manakala saudara Muhammad Hafizul bin Fairooz telah mendapat tempat kedua dan beroleh Design Thinking Award dengan tajuk Projek Online System. Tahniah dan terima kasih kepada Cik Lee Pui Hardi atas sokongan dan tunjuk ajar beliau kepada para pelajar yang mewakili PMKu dalam program ini.



12 Oktober**CERAMAH JENAYAH SIBER**

Para pelajar yang mengikuti kursus MPU24021 Kelab Komputer sesi I:2022/2023 di bawah seliaan pensyarah, Puan Hafizah binti Ismail telah menganjurkan Ceramah Jenayah Siber. Ceramah disampaikan oleh Inspektor Sahirah dan Inspektor Zaiton dari Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan (IPD Kuantan). Program ini telah disertai oleh para pelajar kelab dan sukan DHF dan DUP semester 1 dan 2. Tahniah diucapkan kepada urusetia yang terdiri dalam kalangan pelajar Kelab Komputer.

**14 Oktober****FESTIVAL OF LIGHTS**

Unit Pengajian Am, PMKu telah mengadakan satu program yang memberi pendedahan dan kemahiran kepada pelajar dalam pembuatan rangoli kolam selain menggalakkan para pelajar menghayati nilai dalam perayaan Deepavali.

**16 Oktober****PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI: PANTAIKU LESTARI**

Program Khidmat Komuniti: Pantaiku Lestari telah berlangsung dengan jayanya dan kerjasama daripada beberapa pihak amat dihargai. Terima kasih diucapkan kepada:

- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)
- Persatuan Alumni PMKu
- JKKK Kampung Chempaka
- Majlis Bandaraya Kuantan (MBK)
- Majlis Belia Negeri Pahang
- SWCorp Pahang
- Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
- Alam Flora Sdn Bhd

Penghargaan kepada YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Tibalan Menteri Kewangan 1 kerana sudi hadir merasmikan program sekaligus menanam pokok cempaka bersama Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin dan beberapa tetamu jemputan yang lain, antaranya, Encik Nara @ Nikman bin Nordin (Pegawai Khas kepada Dato' Sri Ab Hamid Nazahar), Encik Nor Aliff bin Yaakob (Timbalan Presiden Majlis Belia Negeri Pahang), Puan Noraini Md Khamijah (Penolong Pengarah Kanan JPPKK), Encik Muhammad Muhammin (wakil Datuk Bandar, MBK) dan Encik Kamarisan Zahari (Pengerusi JKKK Kampung Chempaka). Program ini turut menjemput tetamu istimewa dalam kalangan anak-anak Penempatan Rumah Anak-anak Yatim dan Miskin Permata Camar, Kampung Seri Cempaka, Kuantan.

19 Oktober**LAWATAN KE PUSAT SAINS NEGARA, KUALA LUMPUR**

Para pelajar kursus MPU24021 Kelab Komputer telah mengadakan Lawatan ke Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur bagi memenuhi keperluan silibus dalam mengelola aktiviti. Seramai 24 orang pelajar kelab Komputer yang terdiri daripada pelajar semester 2 Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal (DHF) dan Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) telah menyertai program ini. Pensyarah kursus, Puan Hafizah binti Ismail turut mengiringi pelajar dalam lawatan ini.



Sempena Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Negeri Pahang, JPPKK turut memberi kerjasama dengan menjalankan Program Outreach PolyCC yang berlangsung selama 3 hari. Antara aktiviti yang dijalankan di RTC dan Balai Raya Kampung Bukit Sekilau dan dilaksanakan oleh KK Kuantan, KK Pekan, KK Paya Besar, KK Temerloh dan KK Rompin ialah:

- Kursus Pendek: *Whatsapp For Business*
- Kursus Pendek: Asas Solekan
- CSR Servis Penyamanan Udara
- CSR Baik Pulih Awam dan Pembersihan Kawasan
- Kursus Pendek Penghasilan Air Soya & Tau Fu Fa
- Kursus Pendek Baik Pulih Kipas Meja
- CSR Servis Motosikal
- CSR Mini Lanskap - *Stepping Stone*
- Kursus Pendek Chocolate Bouquet
- Kursus Pendek Asas Videografi
- CSR Mini Lanskap - *Stepping Stone*



Sementara itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) pula telah berlangsungnya demonstrasi TVET iaitu

Virtual Reality Games (VR Games) dan Demonstrasi Robotik yang dibawakan oleh POLISAS; sesi konsultasi permohonan pengambilan kemasukan ke Politeknik dan Kolej Komuniti oleh Pegawai Ambilan POLYCC Pahang, pameran hasil '*Fruit Carving*' oleh PMKu serta sesi '*Happy Hour*' pemberian *cupcake* percuma kepada pengunjung bertuah yang disediakan oleh KK Kuantan di reruai Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Di Perkarangan Stadium Darul Makmur pula yang juga merupakan lokasi utama JAKM Negeri Pahang, POLYCC turut memeriahkan Pentas Citarasa dengan membawakan persembahan busking oleh The Cheegu's Band serta demonstrasi 'Mocktail Challenge' dari KK Kuantan. Pengarah PMKu, En Rosli bin Zainuddin turut memberi taklimat ringkas berkenaan perjalanan aktiviti PSH dan CSR Program Outreach JAKM selama tiga hari ini kepada YBhg. Dr. Wan Baharudin bin Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian (SUB), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT. Terima kasih dan tahniah keluarga POLYCC Pahang diatas kejayaan penganjuran semua aktiviti sepanjang tiga hari ini.

02 November PERTANDINGAN eSPORT

Satu pertandingan eSport telah berlangsung pada 2 November 2022 yang berlangsung bermula jam 2 petang dan berakhir pada jam 6 petang telah dikelolakan oleh pelajar semester 2 kursus MPU24021 Kelab Komputer. Seramai 30 orang peserta terdiri daripada pelajar DHF dan DUP, semester 1 hingga semester 5 telah menyertai pertandingan ini. Johan pertandingan adalah kumpulan Seleksi Pipol yang terdiri daripada 5 orang pelajar iaitu Muhammad Faruq Imran, Al Hafiz, Wan Muhammad Nawfal Azimy daripada DHF1A dan juga DHF1B. Pemenang tempat pertama sehingga ketiga telah mendapat medal, hamper dan sedikit wang tunai. Tahniah diucapkan kepada semua peserta dan juga pengelola program.



Seramai 30 orang pelajar Semester 1 dari Program DHF dan DUP telah menyertai Kem NEXGEN anjuran Kolej Yayasan Pahang Advanced Skills (KYPAS) yang berlangsung selama 3 hari 2 malam di Bangunan Karantina, Yayasan Pahang. Program ini bertujuan menghimpunkan belia-belia IPT Pahang dalam memberi pendedahan kepada kesediaan dan halatuju belia dalam suasana yang penuh cabaran ini. Pelbagai aktiviti *indoor* dan *outdoor* telah dijalankan sepanjang program yang menguji minda dan stamina peserta. Tahniah diucapkan kepada pelajar yang terlibat dan semoga kem ini menjadi inspirasi untuk menjadi belia yang hebat.



**6 – 10
November**

MENAWAN PUNCAK GUNUNG KINABALU



Tahniah diucapkan kepada Muhamad Ali Imran bin Muhamad Nor, pelajar DHF PMKu Semester 3 kerana telah berjaya mendapat tempat ke - 4 daripada 30 orang peserta yang menyertai pemilihan Projek Everest 2027 Persatuan Sukan Mendaki Negeri Kedah di Gunung Kinabalu, Sabah. Hanya 10 orang peserta terpantas di dalam program ini akan dipilih untuk menyertai Projek Pendakian Gunung Everest yang akan berlangsung pada tahun 2027. PMKu menzahirkan ucapan tahniah dan amat berbangga dengan kejayaan Muhamad Ali Imran dan seterusnya akan sentiasa memberikan sokongan kepada beliau dalam usaha untuk mencapai kejayaan menawan Gunung Everest pada tahun 2027 nanti.



07 November

SINTOK INTERNATIONAL GAMES AND GAMIFICATION (SIGG2022)

Projek inovasi pelajar DUP berjaya menempah kejayaan ke peringkat antarabangsa di dalam Sintok International Games and Gamification (SIGG2022) anjuran Bahagiran Inovasi dan Perkomersilan Universiti Utara Malaysia (UUM) Kedah. Kumpulan pelajar di bawah seliaan Puan Nurhidayah binti Hilimi telah meraih Silver Award menerusi projek Xpert TMY Games. Tahniah kepada penyelia dan para pelajar DUP, Syadil Aiman bin Abd Manan, Nur Izzah Syazwanny binti Rosmaini, Nur Syakirin Fikriyah binti Mohd Farizan, dan Nurul Aini Syafiqah binti Kamaruddin. Semoga menjadi inspirasi kepada semua.



08 November

PEMILIHAN PROJEK EVEREST 2027 PERSATUAN SUKAN MENDAKI NEGERI KEDAH

Penuntut DHF PMKu Semester 3, Muhamad Ali Imran bin Muhamad Nor telah berjaya disenaraikan sebagai 5 peserta terbaik dalam pemilihan Projek Everest 2027 Persatuan Sukan Mendaki Negeri Kedah yang disertai lebih daripada 2000 orang pendaki seluruh Malaysia. Kejayaan ini telah melayakkan beliau ke pemilihan peringkat akhir untuk merebut 30 tempat terbaik sebagai peserta Projek Everest 2027.



**09 – 10
November**

CSR PROGRAM KECERIAAN BILIK SENI (LUKISAN MURAL) SK SUNGAI KARANG

Seramai 33 orang pelajar dan 23 kakitangan PMKu terlibat di dalam Program Keceriaan Bilik Seni (Lukisan Mural) di SK Sungai Karang yang telah berlangsung pada 9 dan 10 November 2022. Program ini dianjurkan oleh Panitia Pendidikan Seni dengan kerjasama PMKu dan PIBG sekolah dan merupakan sebahagian aktiviti Karnival Seni SK Sungai Karang bagi memenuhi keperluan Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Program ini dirasmikan oleh Guru Besar SK Sungai Karang, Puan Hajah Zunaidah binti Mohamed Som. Terima kasih atas kesudiaan pihak sekolah menjemput PMKu menyertai aktiviti ini.



**09 & 11
November**

PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI (UNDI 18)

Dua sesi taklimat dan simulasi mengundi yang melibatkan pelajar di Student Centre, PMKu. Program yang diadakan pada 09 November 2022 dan 11 November 2022 bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan kepentingan keluar mengundi, tatacara proses mengundi dan penekanan kepada menggelak undi rosak. Kempen 1 Undi 1 Calon turut diberi penekanan agar para pelajar bersedia untuk menghadapi Pilihanraya Umum 15 pada 19 November 2020 ini. Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Puan Noor Farizan binti Basroh dan dibantu oleh Pegawai Belia dan Sukan, Encik Wan Fahmi Bin Wan Othman. Keduanya telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang ada sebagai Ketua Tempat Mengundi (KTM) pada PRU 14 yang lepas. Diharap dengan penganjuran program ini, para pelajar lebih bersemangat untuk pulang menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi nanti. Terima kasih diucapkan kepada Pejabat Pilihan Raya Negeri Pahang - PPN Pahang kerana membantu membekalkan peralatan pilihanraya untuk kegunaan simulasi program ini.



10 November**KURSUS TEKNIKAL
PING PONG**

Kursus Teknikal Ping Pong telah diadakan dengan melibatkan para pelajar Kelab dan Persatuan Ping Pong. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Saifuddin, jurulatih Ping Pong MAKSAK Pahang.

**10 November****LATIHAN AMALI ASAS RENANG DAN MENYELAMAT DI DALAM AIR**

Encik Muhamad Asyraf bin Rosli telah mengadakan satu latihan amali bagi Asas Renang dan Asas Menyelamat di dalam air yang melibatkan para pelajar DUP semester 3 bagi Kursus Rekreasi Marin. Lokasi PMKu di tengah-tengah bandaraya komersil dan berada di abgunan rumah kedai bukan menjadi halangan kepada pihak PMKu menyediakan kolam renang di aras 6 (Rooftop) bagi kegunaan kelas Rekreasi Marin di PMKu. Pengurusan PMKu sentiasa berusaha menyediakan yang terbaik kepada para pelajar agar mampu melahirkan graduan TVET yang cemerlang dan berkemahiran dalam bidang yang akan diceburi apabila tamat pengajian.

**12 November****LAWATAN KE KILANG AYAM MAKMUR GOLD**

Kelas DHF3B telah mengadakan lawatan ke kilang ayam Makmur Gold diiringi oleh Pensyarah Utama, Encik Ahmad Rasa'Arim Razzali. Lawatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari cara pemprosesan ayam bermula daripada penerimaan yama dari lading, sembelihan sehingga ke penyimpanan di bilik sejuk beku.

14 November**EDARAN PERANTI SISWA**

Edaran Peranti Siswa kepada pelajar PMKu telah berlangsung di Dewan Seminar Mahkota POLISAS. Seramai 150 pelajar PMKu yang telah berjaya permohonannya telah menerima peranti masing-masing. Permohonan ini telah dibuka sepanjang bulan September yang lalu. Semoga dengan adanya peranti ini, para pelajar lebih mudah dan bersemangat untuk terus maju dalam pengajian masing-masing.

**23 – 24
November****AUDIT PEMATUHAN EOMS 21001:2018
PMKu BERJAYA TANPA NCR DAN OFI**

Setinggi tahniah, penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja PMKu di atas kesungguhan usaha dalam memastikan kelancaran proses pengauditan pada kali ini. Pencapaian PMKu berjaya dalam audit pematuhan EOMS 21001:2018 tanpa NCR dan OFI menunjukkan kerjasama dan komitmen semua warga PMKu dalam memastikan proses kerja berjalan lancar.



30 November

HOSPITALITY AND TOURISM INNOVATION SHOWCASE (HOTOURIS)

Final Year Project (FYP) Hospitality and Tourism Innovation Showcase Sesi I:2022/2023 ini dijalankan bagi memberi ruang kepada pelajar semester 5 DUP dan DHF PMKu untuk mempamer dan membentang hasil projek akhir yang telah mereka usahakan. Sebanyak 16 kumpulan projek akhir pelajar menyertai HOTOURIS bagi Sesi I:2022/2023 dengan 9 daripadanya melaksanakan inovasi dalam bentuk produk dan 7 inovasi dalam bentuk makanan. Sekalung penghargaan buat panel penilai luar sebagai juri pertandingan HOTOURIS iaitu Encik Azzahrul bin Wahab, Pengarah Urusan Azam Roasters Properties Sdn Bhd dan Puan Nur Saidatun Sheila binti Talib, Pengarah Pejabat Zon Pantai Timur Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Best Project Award kategori produk telah diperoleh oleh kumpulan pelajar DUP yang membangunkan produk inovasi bertajuk Fearless manakala Best Project Award bagi kategori Makanan telah dimenangi oleh Yaang; Kemboja Tea Drink. Tahniah diucapkan kepada barisan pelajar dan penyelia terlibat dalam menjayakan HOTOURIS kali ini.



01 Disember

LAWATAN KURSUS DTM10203 CUSTOMER SERVICE FOR TOURISM AND HOSPITALITY

Lawatan kursus *DTM10203 Customer Service for Tourism & Hospitality* pelajar DUP semester 1 di bimbing oleh Puan Nurullia eksplorasi Bandar Kuantan menaiki *Kuantan River Discovery Cruise*. Perjalanan mengambil masa 2 jam menyeluruh Sungai Kuantan dan Laut China Selatan. Pemandu Pelancong bertaualah berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai sejarah dan tips menarik kepada pelajar untuk dijadikan rujukan.



02 Disember

DUP5 FAREWELL HI-TEA PARTY

Para Pelajar DTM40134 *Event Operation and Management* telah mengadakan satu acara khas untuk para pelajar DUP5 bersama Penasihat Akademik dan para pensyarah yang telah mengajar DUP5. Program ini merupakan projek bagi para pelajar DUP4 bagi memenuhi keperluan silibus DTM40134. Tahniah diucapkan kepada para pelajar DUP4 di atas penganjuran acara ini. Semoga acara ini memberi memori terindah buat DUP5.



06 Disember

LAWATAN KERJA KE DAPUR HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH TEMERLOH



Delegasi PMKu diketuai oleh Ketua Jabatan Akademik, Encik Mohd Surairi telah mengadakan lawatan kerja ke Dapur Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS) Temerloh. Lawatan ini bertujuan untuk

mempelajari serta mengambil beberapa input penting sebagai persediaan PMKu mendapatkan pensijilan halal untuk dapur latihan. Terima kasih diucapkan kepada pihak HOSHAS terutama ketua serta kakitangan Jabatan Sajian yang menerima kunjungan serta memberikan penerangan yang terperinci kepada pihak PMKu.

09 Disember

SESI PERBINCANGAN KERJASAMA STRATEGIK PMKu & DE RHU BEACH RESORT

Terima kasih diucapkan kepada Encik Faris dan Encik Asnol, Bahagian Sumber Manusia De Rhu Beach Resort yang sudi hadir ke PMKu bagi sesi perbincangan kerjasama strategik di antara De Rhu Beach Resort dan PMKu. Antara intipati perbincangan adalah kerjasama dalam konteks penempatan pelajar latihan industri, khidmat nasihat berkaitan aktiviti hospitaliti serta latihan pensyarah di industri. Semoga sesi seumpama ini dapat diteruskan bagi mencapai dan merealisasikan kebolehpasaran graduan, pemantapan perkongsian industri, komuniti dan alumni serta melahirkan pensyarah pengalaman professional industri.



POLITEKNIK METR0 KUANTAN
A-5 JALAN TUN ISMAIL 2
SRI DAGANGAN II
25000 KUANTAN
PAHANG

 09-565 9000

 09-517 3259

 www.pmku.edu.my

 www.facebook.com/PoliteknikMETR0Kuantan